

Terus jalin hubungan baik dengan semua negara termasuk China, AS

Perdana Menteri minta rakyat jangan terperangkap fikiran lama

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Malaysia mengambil sikap mengadakan hubungan baik dengan semua negara khususnya yang mahu melabur di sini biarpun terdapat persengketaan antara negara berkenaan dengan kuasa besar lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata justeru, rakyat perlu menolak andaian se-setengah pihak menganggap hubungan baik negara dengan China bermaksud Malaysia akan menyebelahi negara itu dalam segala hal.

Katanya, China dianggap sebagai negara penting di rantau ini berikutan kekuatan ekonomi-

nya yang besar, di samping baru-baru ini mengejutkan dunia dengan pelancaran model kecerdasan buatan (AI) DeepSeek.

“Di kampung ada orang bangkitkan (kononnya) kita serah semua kepada China, ini pemikiran yang rosak, kalau kita dulunya banyak (berdagang dengan) Amerika Syarikat (AS) tak apa pula, dengan Eropah tak apa pula, ini mentaliti terjajah.

“Bagi kita siapa pun, termasuk negara China yang datang melabur kita berikan galakan. Yang baik dengan kita, kita lebih baik dengan mereka. Ini dasar kita.

“Jangan kita terperangkap dengan fikiran lama, iaitu hanya bergantung kepada satu negara. Kita terus baik dengan semua negara, tetapi kalau negara itu ada masalah dengan China, itu masalah dia, kenapa nak jadi masalah kita?” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Tahun Baharu Cina 2025 Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (PCCI) di Hotel Weil, di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Perumahan

dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang serta dan Yang Dipertua PCCI, Datuk Liew Chee Ming.

Manfaatkan hubungan

Anwar berkata, kekuatan Malaysia apabila menjalin hubungan baik dengan China harus dimanfaatkan tanpa mengambil kira persengketaan antara negara Tembok Besar itu dengan AS.

“Sekarang kita teruskan juga dengan pelaburan dari Amerika Syarikat, kita baiki hubungan kita dengan Kesatuan Eropah, kita baiki hubungan dengan BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) dan kita rapat dengan negara China.

Selain itu, Anwar berkata, Malaysia adalah antara negara yang memberikan bantuan tinggi kepada rakyat pada peringkat bawah dalam usaha menangani isu kos sara hidup, terutama menerusi pemberian bantuan kewangan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Katanya, nilai RM13 bilion yang diperuntukkan untuk penyaluran STR tahun ini menun-

jukkan keprihatinan kerajaan terhadap masalah rakyat, khususnya daripada golongan B40 dan M40 mengharung isu kos sara hidup meningkat yang tidak hanya membelenggu Malaysia, malah di seluruh dunia.

“Dari segi bantuan kepada rakyat, kerajaan umpamanya sudah tambah (peruntukan) STR yang naik sehingga RM13 bilion yang mana ia ditambah kerana kita tahu kos sara hidup meningkat dan masalah ini dihadapi di seluruh dunia.

“Saya berjumpa dengan Presiden Indonesia beberapa hari lalu tajuknya (perbincangan) kos sara hidup. Saya pergi ke Kesatuan Eropah (EU), bercakap dengan presidennya juga mengenai kos sara hidup, begitu juga Perdana Menteri Belanda dan United Kingdom semuanya bercakap mengenai kos sara hidup.

“Walaupun kos (sara hidup) kita meningkat itu dari segi relatifnya rendah, tetapi ia (tetap) bebankan rakyat. Sebab itu kita tambah (peruntukan STR) dan Malaysia antara negara yang memberi sumbangan tinggi kepada rakyat pada peringkat ba-

wahan,” katanya.

Anwar berkata, nilai RM13 bilion disumbangkan kepada rakyat melalui STR adalah tidak termasuk banyak lagi projek atau bantuan lain disalurkan menerusi pelbagai kementerian seperti bantuan mahasiswa menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan sebagainya.

Katanya, faktor kenaikan kos sara hidup seluruh dunia itu juga yang menjadi pertimbangan kerajaan bagi menaikkan gaji penjawat awam bermula tahun ini, biarpun negara memerlukan tambahan RM10 bilion bagi menampung keperluan itu sepanjang 2025 dan jumlah diperlukan itu akan meningkat kepada RM18 bilion untuk 2026.

Anwar juga meminta rakyat menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan mengetepikan pelbagai isu berkaitan kaum, agama dan wilayah.

“Jangan hirau isu-isu bila ada negara yang pelbagai kaum, agama, negeri dan wilayah memang selalu dibangkitkan (kerana) ada sebahagian kecil mahu jadi jaguh dan hero kaum, kawasan dan wilayah masing-masing,” katanya.